

Pemuda UMNO ketengah usahawan tani Melayu berjaya

UM - 9/11/2006

KUALA LUMPUR 8 Nov. – Pergerakan Pemuda UMNO akan menganjurkan diskusi bertajuk 'Bicara Jutawan Tani Melayu' bagi menegenahkan kejayaan usahawan tani Melayu dalam sektor pertanian dan industri asas tani, Jumaat ini.

Mereka yang terpilih untuk berkongsi pengalaman masing-masing pada diskusi yang diadakan di Dewan Tun Dr. Ismail, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) itu ialah Datuk Dr. Zainuddin Wazir, Marahza Abdul Hamid dan Zubir Zabidi.

Pengerusi Biro Pertanian Pemuda, Datuk Pirdaus Ismail memberitahu, pemilihan ketiga-tiga individu tersebut adalah berdasarkan kejayaan mereka yang membanggakan.

Dr. Zainuddin merupakan seorang pakar bedah yang berkhidmat di Island Hospital, Pulau Pinang dalam bidang pertanian. Beliau berjaya mengusahakan tanaman pisang menggunakan kaedah kultur di atas tanah ladang melebihi 80 hektar.

Marahza pula adalah penerima Anugerah Wira Tani Negara 2006. Beliau berjaya memternak sebanyak 400 ekor lembu secara fidlot dan menghasilkan baja organik dari najis lembu secara fermentasi di Jerangau, Terengganu," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini hari ini.

Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Datuk Seri Hishamuddin Tun Hussein dijadual merasmikan diskusi tersebut. Turut dijadual hadir Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Sebanyak 600 peserta terdiri daripada ahli pergerakan itu, usahawan, pelajar, wakil jabatan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dijangka mengambil bahagian pada program ini.

Tambah Pirdaus, Marahza juga terlibat dalam projek penanaman jagung dan pisang, masing-masing di atas tanah seluas empat dan enam hektar.

Seorang lagi usahawan tani iaitu Zubir Zabidi merupakan pemilik sebuah syarikat pemasaran di Kawasan Industri Keda Napoh, Jitra, Kedah yang berjaya meneroka pasaran produk makanan berasaskan pertanian dan asas tani.

Selain penampilan tiga tokoh itu, sebuah buku tulisan Ahli Jawatankuasa Biro Pertanian